



LAPORAN SITUASI SEMASA MTL 2025/2026 #18

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

1 MAC 2026

1

BENCANA MUSIM MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 : SEKILAS DATA

3
NEGERI

5
DAERAH

32
PPS AKTIF


2,153
KELUARGA

6,533
MANGSA

4
KEMATIAN

* Data sehingga 28 Februari 2026 jam 11.59 malam & data kematian adalah kumulatif sejak 13 November 2025

PPS: Pusat Pemindahan Sementara





PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JENIS BENCANA	DAERAH	PPS AKTIF	KELUARGA	MANGSA	TREND
Sabah	Banjir 🏠	Tenom	24	1,632	4,931	Tidak Berubah
		Beaufort	5	467	1,462	Tidak Berubah
		Membakut	1	25	69	Menurun
		JUMLAH	30	2,124	6,462	Menurun
Perak	Ribut/Taufan ⚡	Larut, Matang dan Selama	1	21	42	Tidak Berubah
		JUMLAH	1	21	42	Tidak Berubah
Johor	Ribut/Taufan ⚡	Pontian	1	8	29	Tidak Berubah
		JUMLAH	1	8	29	Tidak Berubah
JUMLAH KESELURUHAN			32	2,153	6,533	Menurun

* Trend: Perbandingan dengan data 28 Februari 2026 jam 8.00 malam



SITUASI TERKINI

- Sehingga **28 Februari 2026, jam 11.59 malam**, terdapat **5 daerah** di tiga negeri yang dilanda bencana dengan **penurunan** jumlah mangsa kepada **6,533 mangsa dalam tempoh 24 jam** (berbanding **6,652 mangsa** pada **27 Februari 2026**). Ia melibatkan **2,153 keluarga** yang ditempatkan di **32 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga **menurun** berbanding **33 PPS** pada **27 Februari 2026**.
- Tiga daerah paling teruk terjejas adalah **Tenom, Sabah (4,931 mangsa), Beaufort, Sabah (1,462 mangsa)** dan **Membakut, Sabah (69 mangsa)**.
- Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), **empat kematian** telah direkodkan setakat ini yang melibatkan kematian akibat kejadian banjir iaitu **satu di Gua Musang, Kelantan pada 21 November 2025, satu di Tanah Merah, Kelantan pada 26 November 2025, satu di Sepang, Selangor pada 30 November 2025** dan **satu di Kuala Krai, Kelantan pada 18 Disember 2025**.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Secara amnya, rantau negara dijangka menerima angin baratan sepanjang minggu ini. Pengaruh angin baratan berpotensi bagi pembentukan garis badai pada awal pagi di pantai barat Semenanjung Malaysia, utara Sarawak dan barat Sabah. Manakala ribut petir yang lazimnya membawa kepada kejadian hujan lebat berserta angin kencang dalam tempoh masa yang singkat dijangka boleh berlaku pada waktu petang dan awal malam di barat dan pedalaman Semenanjung Malaysia, barat Sabah serta Sarawak.
- Tiada Amaran Hujan Berterusan yang masih berkuat kuasa setakat ini.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

- Pada **28 Februari 2026, tiada Amaran Banjir dan Ramalan Awal Banjir** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



IMPAK

- **Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)** melaporkan bahawa tiada kawasan berisiko tanah runtuh di daerah yang sedang dilanda banjir.
- Bagi kejadian tanah runtuh, tiada insiden baharu dilaporkan di seluruh negara pada 28 Februari 2026. Pemantauan berterusan oleh PIC JMG Negeri sedang dijalankan bagi memastikan situasi tanah runtuh dipantau secara rapi dari semasa ke semasa.
- Jumlah kumulatif tanah runtuh yang berlaku di seluruh negara sejak bermula Monsun Timur Laut (MTL) adalah sebanyak **32 kejadian**, Selangor merekodkan jumlah tertinggi iaitu 13 kejadian, diikuti Pahang enam kejadian. Perak, Terengganu dan Sabah masing-masing mencatat tiga kejadian, manakala Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masing-masing dua kejadian sementara negeri-negeri lain tidak merekodkan sebarang kejadian tanah runtuh.
- Pelaporan JMG tidak merangkumi laluan jalan negeri, persekutuan dan lebuh raya.

Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

- **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** melaporkan sehingga 28 Februari 2026, sebanyak **35 fasiliti kesihatan terjejas akibat banjir**, terdiri daripada 14 Klinik Kesihatan (KK), 11 Klinik Desa (KD), empat Pusat Sub Sektor Malaria (PSS), satu Hospital, satu Klinik Kesihatan Ibu Dan Anak (KKIA), satu Klinik Komuniti (KKOM), satu Pusat Rawatan Tibi (PR1), satu Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK) dan satu Kompleks Kesihatan Persekitaran.
- Sebanyak lima fasiliti kesihatan yang tidak beroperasi iaitu Klinik Kesihatan Tangkarasun yang berpindah operasi ke Klinik Kesihatan Nangoh, Klinik Desa Gadong berpindah operasi ke Klinik Kesihatan Padas Damit. Sementara itu, Klinik Desa Bangkalalak dan Pejabat Kesihatan Kawasan Beaufort berpindah operasi ke Hospital Beaufort. Pusat Sub Sektor Tangkarasun pula telah berhenti operasi.



- Sebanyak 38 Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT) telah digerakkan ke kawasan terlibat banjir, iaitu terdiri daripada 22 *Rapid Response Team* (RRT) kesihatan, 11 RRT perubatan dan lima pasukan *Rapid Response Team Mental Health and Psychosocial Support* (MHPSS). Pasukan ini ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi menyediakan rawatan perubatan, pemantauan kesihatan, dan pencegahan penyakit kepada mangsa banjir.

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** melaporkan sebanyak **209 infrastruktur komunikasi terkesan** akibat banjir di seluruh negara sejak bermula MTL 2025/2026. Daripada jumlah tersebut, **tiga masih tidak beroperasi di Sabah**, iaitu **dua di Tenom** dan **satu di Sipitang**.

- Dalam usaha memastikan kelangsungan komunikasi di kawasan terjejas, sehingga 28 Februari 2026, sebanyak 27 PPS telah dipasang inisiatif WiFi percuma oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi.

- SKMM bersama penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan terus memantau tahap liputan melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) bagi memastikan sebarang gangguan perkhidmatan atau kesesakan talian di PPS dapat ditangani dengan segera.

- Sepanjang MTL 2025/2026 sehingga Februari 2026, sebanyak **14,845,066 SMS** hebahan amaran awal bencana (SMS Blast) telah dilaksanakan oleh pihak Telco:

- a) MNO (CelcomDigi, Maxis, Umobile, TM & YTL): 12,920,399 SMS
- b) MVNO (BeOne, RedOne, Tune Talk, HelloSim & XOX): 1,924,667 SMS

Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

- **Kementerian Pendidikan Malaysia** melaporkan sebanyak **27 institusi pendidikan terjejas akibat banjir** di negeri Sabah dengan melibatkan 24 Sekolah Rendah dan tiga Sekolah Menengah.
- Sebanyak empat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) premis sekolah yang masih dibuka di negeri Sabah melibatkan tiga sekolah rendah dan satu sekolah menengah.
- Secara keseluruhannya, seramai 19 murid di negeri Sabah yang masih berada di PPS premis sekolah akibat banjir.

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- NADMA selaku urus setia kepada **Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP)** akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- **Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan** di negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelaraskan semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** telah menyediakan bantuan makanan kepada mangsa banjir di PPS dalam bentuk *pack food*. Bagi mangsa beragama Islam, makanan disediakan untuk sahur, berbuka dan moreh, manakala bagi mangsa bukan beragama Islam, makanan disediakan tiga kali sehari. Selain itu, JKM turut menyalurkan barang keperluan asas serta keperluan tambahan bagi kes-kes tertentu mengikut keperluan semasa.
- Bagi memastikan kelancaran pengagihan, stok makanan disimpan di JKM Daerah dan JKM Bahagian yang terlibat. Sebagai langkah penambahbaikan keperluan di PPS, JKM turut menambah stok barang keperluan daripada depoh utama bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi.



LAPORAN SITUASI SEMASA MTL 2025/2026 #18

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | *Hotline* NDCC : 03-8064 2400

1 MAC 2026

5

- **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** telah mengoperasikan **Pam Kecemasan Mudah Alih** ke kawasan banjir untuk membantu mengurangkan air dan mempercepatkan proses surut air. Tindakan ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah yang diambil untuk mengendalikan banjir di negeri yang terjejas.
- Sebanyak **8 unit pam aktif dalam keadaan sedia di lokasi** manakala **18 unit lagi berada dalam keadaan siap siaga di Sabah** untuk digerakkan mengikut keperluan semasa.
- **Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 1**.
- **Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)** yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	SABAH	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	113	4x4/SUV/VAN: 3 BOT/JET SKI: 1 LORI/FRT/LFRT: 1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	36	4x4/SUV/VAN: 4 BOT/JET SKI: 4 LORI/FRT/LFRT: 4
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	74	4x4/SUV/VAN: 6 BOT/JET SKI: 5 LORI/FRT/LFRT: 5
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	4	4x4/SUV/VAN: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	36	-
2.	PERAK	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	4	4x4/SUV/VAN: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	4	-
3.	JOHOR	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	8	4x4/SUV/VAN: 1
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	2	-
JUMLAH			281	4x4/SUV/VAN: 16 BOT/JET SKI: 10 LORI/FRT/LFRT: 10

* Data sehingga 28 Februari 2026 jam 11.59 malam.